



INTERNATIONAL JOURNAL OF HUMANITIES, PHILOSOPHY AND LANGUAGE (IJHPL)

www.ijhpl.com



CIRI-CIRI KEPIMPINAN DAN KESANNYA DALAM *TUHFAT AL-NAFIS* KARYA RAJA ALI HAJI

*THE QUALITIES OF LEADERSHIP AND THEIR EFFECT IN TUHFAT AL-NAFIS
BY RAJA ALI HAJI*

Amirul Mohd Yusof¹, Norazimah Zakaria²

¹ Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: amirulmohdyusof1@gmail.com

² Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: norazimah@fbk.upsi.edu.my

Article Info:

Article history:

Received date: 20.01.2021

Revised date: 11.02.2021

Accepted date: 20.02.2021

Published date: 01.03.2021

To cite this document:

Yusof, A. M., & Zakaria, N. (2021). Ciri-Ciri Kepimpinan Dan Kesannya Dalam Tuhfat Al-Nafis Karya Raja Ali Haji. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 4 (13), 24-36.

DOI: 10.35631/IJHPL.413003.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Tuhfat al-Nafis merupakan sebuah teks sastera sejarah atau historiografi Melayu. Sebagai sebuah teks historiografi Melayu, ruang lingkup zaman pada masa itu masih lagi bercorak sistem pemerintahan feodal dan beraja. Gambaran sistem kepimpinan beraja masih menjadi teras dan jatuh bangunnya sesebuah kerajaan adalah bergantung kepada ciri-ciri kepimpinan yang ada. *Makalah ini bertujuan* menjelaskan ciri-ciri kepimpinan kelompok pemimpin yang terdapat dalam teks Tuhfat al-Nafis. Ciri-ciri kepimpinan ini akan dijelaskan dengan menggunakan pendekatan kepimpinan Islam. Tuhfat Al-Nafis dikarang oleh seorang pengarang istana bernama Raja Ali Haji. Dalam penulisan Tuhfat Al-Nafis, Raja Ali Haji menyurat bagi memenuhi visi dan misi sebuah kerajaan iaitu Melayu-Bugis. Dapatan kajian menemukan pemimpin yang memenuhi ciri-ciri kepimpinan yang berlandaskan Islam seperti berakhlak baik, kuat dan mengamalkan musyawarah menjadikan kerajaan di bawah pemerintahannya aman dan makmur.

Kata Kunci:

Ciri-Ciri Kepimpinan; Prinsip Kepimpinan Islam; Tuhfat Al-Nafis; Visi Dan Misi Teks.

Abstract:

Tuhfat al-Nafis was a literary text or history of Malay historiography. As a Malay historiographical text, the scope of the times at that time are still patterned feudal and monarchical systems of government. The description of the monarchical leadership system is still the core and the ups and downs of a government depend on the qualities of the existing leadership. This paper aims to explain the leadership qualities found in the text of Tuhfat al-Nafis. These leadership qualities will be explained using the Islamic leadership approach. Tuhfat Al-Nafis was composed by a palace author named Raja Ali Haji. In writing Tuhfat Al-Nafis, Raja Ali Haji correspondence to fulfill the vision and mission of a government of Malay-Bugis. The findings of the study found that leaders who meet the characteristics of Islamic-based leadership such as good character, strong and 'musyawarah' make the government under his rule peaceful and prosperous.

Keywords:

Qualities Of Leadership; Principles Of Islamic Leadership; Tuhfat Al-Nafis; Vision And Mission Of The Text.

Pengenalan

Kamus Pelajar Edisi Kedua (2004) mendefinisikan pemimpin sebagai orang yang memimpin, membimbing, menuntun, mengepalai dan melatih. Kepimpinan bermaksud gelaran yang diberikan kepada orang yang berada di tempat pemimpin seperti pemimpin parti politik atau organisasi yang berupaya memimpin atau mengarah sesebuah kumpulan atau organisasi. Secara umumnya, ciri-ciri kepimpinan adalah sikap atau pendekatan yang digunakan oleh seseorang pemerintah untuk menghegemoni pengikutnya. Terdapat pelbagai prinsip kepimpinan Islam yang telah digariskan sebagai panduan.

Menurut Nurshahira Ibrahim, *et.al* (2016) kepimpinan tranformasi Rasulullah SAW berjaya mengubah peradaban zaman *jahiliyyah* ketika itu. Melalui sorotan sirah, sebelum Nabi Muhammad SAW diangkat menjadi Rasul, keadaan moral ketika itu amat rendah dengan berleluasanya aktiviti perjudian, perzinaan, merampas harta, pembunuhan kejam dan penindasan. Asas ciri-ciri kepimpinan Islam ialah *al-Qawwiyy* dan *al-Amin*. Pemimpin yang diangkat mestilah mempunyai kekuatan dan seorang yang amanah. Ciri-ciri ini merupakan teras kepemimpinan dalam Islam. Unsur-unsur *al-Quwwah* adalah kekuatan fikiran ('*aqliyah*), kekuatan jiwa (*nafsiyyah*), pengetahuan dan kekuatan fizikal Nur (Sofia Nabila *et. al.* 2018). Secara ringkasnya, seorang pemimpin yang mempunyai *al-Quwwah* dilihat sebagai ketua yang mampu untuk melaksanakan kepimpinan berdasarkan elemen kekuatan pengetahuan dan kekuatan fizikal.

Idris Zakaria (1995) menjelaskan gagasan falsafah politik al-Farabi tertumpu kepada ketua negara itu sendiri. Kemajuan, kemunduran, kebahagiaan, sesebuah negara bergantung kepada kebolehan pemimpin sebagai tokoh utama negara. Jelaslah, Al-Farabi menggariskan prinsip kepimpinan sebagai satu konteks penting dengan meletakkan prinsip kekuatan dan keutamaan baik mental, spiritual, dan fizikal. Pemimpin dikatakan lambang kepimpinan yang berkualiti tinggi malah contoh teladan seorang manusia yang mencapai tahap ilmu dan akhlak yang tinggi.

Raja Ali Haji memainkan peranan besar dalam mencipta karya sastra sejarah dengan naratif yang keluar daripada konvensional kepengarangan manuskrip lain. *Hikayat Tuhfat al-Nafis* meliputi peristiwa dari awal abad ke-17 hingga pertengahan abad ke-19. Secara ringkas, *Tuhfat al-Nafis* merangkumi peristiwa dalam kalangan semua kerajaan Melayu di Semenanjung Melayu dan di Kepulauan Riau-Lingga (termasuk Singapura), di Siak (Sumatera Timur), di Kalimantan Barat, di Sulawesi Selatan dan peristiwa di Betawi (Jakarta). Karya ini merakamkan lebih daripada sepuluh episod peperangan Riau-Siak.

Dalam konteks kepemimpinan, Raja Ali Haji mengangkat ciri-ciri kepemimpinan raja yang perlu menyempurnakan tuntutan agama Islam dan menjunjung hukum Allah SWT. Peristiwa ini diangkat melalui Yang Dipertuan Muda Riau pada abad ke-19. Raja dikatakan sebagai pelindung kepada agama Islam. Namun begitu, terdapat juga rakaman peristiwa Sultan Mahmud yang mengabaikan pentadbirannya di Lingga dan penentangan pasukan Belanda di Melaka. Ciri-ciri kepemimpinan jelas dikesan pada pertengahan abad kedelapan belas, Raja Ali Haji seorang pahlawan keturunan Bugis (bapanya) dan puteri Melayu (ibunya) mendamaikan politik dalam kerajaan dan mengalahkan musuh luar kerajaan. Raja Ali Haji turut memberi gambaran kuasa kepemimpinan Belanda yang menguasai perdagangan Riau-Lingga.

Kajian Literatur

Sorotan dalam makalah ini menganalisis literatur terdahulu tentang prinsip-prinsip kepemimpinan serta kesan kepimpinannya. Muhammad Khairi Mahyuddin (2019) menjelaskan kepemimpinan perlu berpaksikan tauhid dan makrifah. Kepimpinan jenis ini ditonjolkan oleh Rasulullah SAW, para sahabat dan salaf soleh. Kesannya, umat berjaya dibangunkan dan dikenang sebagai sebuah tamadun yang berakhlak mulia. Kajian ini menumpukan konteks kepemimpinan pendidikan di Sekolah Tinggi Agama Islam di Sulawesi yang didapati berkembang dengan baik kesan daripada kepemimpinan kecerdasan hati. Nur Sofia Nabila *et. al* (2018) dalam kajiannya *Al-Quwwah: The Core of Leadership in Islam* mengangkat konsep *al-Quwwah* yang merupakan teras kepemimpinan dalam Islam. Unsur-unsur *al-Quwwah* adalah kekuatan fikiran (*'aqliyah*), kekuatan jiwa (*nafsiyyah*), pengetahuan dan kekuatan fizikal. *Al-Quwwah* ditakrifkan sebagai kemampuan untuk melaksanakan kepemimpinan bersandarkan elemen kekuatan pengetahuan dan kekuatan fizikal.

Muhammad Harfin Zuhdi (2014) yang mengkaji *Konsep Kepemimpinan dalam Perspektif Islam* memperlihatkan kepemimpinan berpandukan ayat-ayat al-Quran sekaligus melihat dalam kerangka diluar kapitalis. Kajian ini menemukan ciri-ciri kepemimpinan yang terdapat hal cita-cita keadilan, kemaslahatan dan kebenaran yang akan ditegakkan. Panduan ayat-ayat al-Quran ini menjadi kayu ukur supaya pemimpin terhindar daripada nafsu perseorangan, kelompok mahupun fahaman-fahaman yang menjadikannya lemah dalam komitmen memperjuangkan kebenaran dan keadilan. Tafsiran ayat-ayat al-Quran ini akhirnya membawa kepada prinsip-prinsip kepemimpinan yang terdiri daripada amanah, adil, syura (*musyawarah*) dan *amr bi al-ma'ruf wa nahy 'an almunkar*.

Kajian teks *Tuhfat al-Nafis* pula dapat dilihat melalui kajian Norain Ismail (2012) menerusi *Peperangan dalam Historiografi Johor: Kajian Terhadap Tuhfat al-Nafis* meneliti sejarah peperangan yang disertai oleh orang Melayu dan Bugis khasya dalam *Tuhfat al-Nafis*. Kajian ini meninjau motif berlakunya peperangan, strategi, watak-watak yang terlibat dalam peperangan dan alat kelengkapan peperangan.

Salmah Jan Noor Muhammad (2017) meninjau *Kepemimpinan Pemerintah Kesultanan Melayu dalam Menjalinkan Hubungan Diplomatik* dalam naskhah historiografik *Tuhfat al-Nafis* bersama gabungan *Sulalat al-Salatin, Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah, dan Hikayat Merong Mahawangsa*. Tinjauan ini mendapati keberkesanan kepemimpinan terhadap hubungan diplomatik yang ditawarkan dan diterima kerajaan luar. Dapatan kajian menunjukkan pelbagai kaedah kepemimpinan yang digunakan pemerintah Kesultanan Melayu Melaka dalam menggerakkan aspek ekonomi, sosial dan fizikal negara. Melalui *Tuhfat al-Nafis* dapat dikesan watak raja Sambas bernama Sultan Adil mengutus surat kepada Yang Dipertua Muda bertujuan menjalinkan diplomatik melalui ikatan perkahwinan.

Bagi Amir Rullah Mohd Noor dan Salmah Jan Noor Muhammad (2016) dalam menganalisis teks *Tuhfat al-Nafis* dilihat cuba keluar daripada kerangka pemerintah yang dianggap ideal. Teks historiografik ini dinilai dalam konteks *Kemelut Politik Zaman Kesultanan Melayu dalam Tuhfat al-Nafis*. Punca kemelut berlaku disebabkan terdapat pihak yang tidak menurut undang-undang negeri dan masalah moral dalam diri yang menjadi pegangan penting dalam agama Islam. Artikel ini membincangkan kemelut politik dalam pemerintahan dan pentadbiran pada zaman kesultanan Melayu. Episod perebutan kuasa dan akhlak pemimpin yang keluar dari prinsip keadilan terpaksa disoroti sebagai iktibar kepada generasi demi generasi. Hal ini meninggalkan kesan yang besar dengan tercetusnya perbalahan dan berakhir dengan peperangan yang merugikan.

Kesimpulannya, kajian literatur menunjukkan bahawa setiap pemimpin perlu memiliki ciri-ciri kepimpinan yang baik kerana hal ini mempengaruhi orang bawahannya. Pemimpin yang diperlihatkan dalam kajian-kajian lampau ini menjelaskan ciri-ciri pemimpin perlu mempunyai sikap yang baik.

Permasalahan Kajian

Kajian ini dijalankan menumpukan teks tradisional sastera sejarah *Tuhfat al-Nafis*. Kajian-kajian berkaitan prinsip-prinsip kepimpinan Islam kurang ditumpukan dalam naskhkah sastera sejarah. Hakikatnya, teks sastera sejarah sesuai dikaji menggunakan prinsip-prinsip tersebut. Kajian ini menjadi titik tolak sebagai pendekatan model kepimpinan yang lebih terkini dalam menganalisis manuskrip sastera sejarah.

Keberkesanan kepimpinan banyak bergantung kepada keupayaan pemerintah menguasai hegemoni. Pemerintah menjadi kayu ukur dan penggerak utama kepada penguasaan kepada golongan yang diperintah. Justeru, pemimpin perlu arif akan konsep kepimpinan Islam supaya selamat di dunia dan di akhirat serta menguasai prinsip hegemoni yang untuk memberi pengaruh yang dominan tanpa paksaan atau kekerasan. Perkara ini bertepatan dengan pendapat bahawa kepimpinan adalah satu proses pertukaran sosial yang sangat penting antara pemimpin dengan pengikutnya. Pemimpin mestilah mengkomunikasikan segala visi dan objektif organisasi kepada kalangan pengikutnya. Hal ini memerlukan penerimaan yang baik kepada pengikutnya.

Objektif Kajian

Objektif kajian adalah untuk menjelaskan ciri-ciri kepimpinan kelompok pemimpin yang terdapat dalam teks *Tuhfat al-Nafis* serta menganalisis kesan hubungan timbal balas antara pemimpin dan rakyat dalam teks.

Metodologi Kajian

Analisis kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, iaitu kaedah kepustakaan dan analisis teks. Kaedah kepustakaan melibatkan pemilihan bahan-bahan kajian lepas berkaitan ciri-ciri kepimpinan. Analisis teks ini melibatkan pemilihan teks yang sesuai iaitu *Tuhfat al-Nafis* dengan menggunakan prinsip-prinsip kepimpinan Islam. Penelitian analisis memberi fokus terhadap peristiwa yang melibatkan aspek kepimpinan yang mengatur strategi perang dan mengurus rakyat dari dalam teks *Tuhfat al-Nafis*.

Dapatan Kajian

Teks *Tuhfat al-Nafis* meliputi peristiwa dari awal abad ke-17 hingga pertengahan abad ke-19. Secara ringkas, *Tuhfat al-Nafis* merangkumi peristiwa dalam kalangan semua kerajaan Melayu di Semenanjung Melayu dan di Kepulauan Riau-Lingga (termasuk Singapura), di Siak (Sumatera Timur), di Kalimantan Barat, di Sulawesi Selatan dan peristiwa di Betawi (Jakarta). Karya ini merakamkan lebih daripada sepuluh episod peperangan Riau-Siak. Dalam naratifnya, pengarang dilihat amat mementingkan kronologi.

Dalam konteks kepimpinan, Raja Ali Haji mengangkat hegemoni raja yang perlu menyempurnakan tuntutan agama Islam dan menjunjung hukum Allah SWT. Peristiwa ini diangkat melalui Yang Dipertuan Muda Riau pada abad ke-19. Raja dikatakan sebagai pelindung kepada agama Islam. Namun begitu, terdapat juga rakaman peristiwa Sultan Mahmud yang mengabaikan pentadbirannya di Lingga dan penentangan pasukan Belanda di Melaka. Kuasa kepimpinan jelas dikesan pada pertengahan abad kedelapan belas, Raja Ali Haji seorang pahlawan keturunan Bugis (bapanya) dan puteri Melayu (ibunya) mendamaikan politik dalam kerajaan dan mengalahkan musuh luar kerajaan. Raja Ali Haji turut memberi gambaran kuasa kepimpinan Belanda yang menguasai perdagangan Riau-Lingga.

Prinsip-Prinsip Kepimpinan Islam

Menurut Nurshahira Ibrahim *et.al* (2016), kepimpinan transformasi Rasulullah SAW apabila berjaya mengubah peradaban zaman jahiliyyah ketika itu. Hal ini menjelaskan bahawa ciri-ciri kepimpinan Islam perlu berupaya mengangkat keadaan moral yang rendah kepada moral yang jauh lebih baik. Hal ini memerlukan pemimpin yang unggul dengan prinsip kepimpinan yang mempunyai niat, taqwa, kesyukuran, syura, amanah, tadbir urus yang cekap, peka dan prihatin, ketepatan tujuan dan wawasan yang jelas untuk ummah. Nor Anisah Abu Hanafiah & Razaleigh Muhamat@Kawangit dalam memetik Mohamad (2008), Rasulullah SAW dijelaskan sebagai pemimpin yang menekankan sikap toleransi, sabar, konsep kesamarataan, perbincangan individu dengan penuh adab dan tunjuk ajar yang berhemat, peka dan memberi tindak balas dalam setiap tingkat laku dan aktiviti pengikut serta mementingkan pencapaian pengikut.

Selain itu, kajian Muhammad Khairi Mahyuddin (2019) turut menjelaskan kepimpinan perlu berpaksikan tauhid dan makrifah. Hal ini memerlukan kepimpinan yang mempunyai kecerdasan hati. Seterusnya, Nur Sofia Nabila *et. al* (2018) menjelaskan kepimpinan perlu mempunyai *al-Quwwah* iaitu kekuatan. Unsur-unsur *al-Quwwah* adalah kekuatan fikiran (*'aqliyah*), kekuatan jiwa (*nafsiyyah*), pengetahuan dan kekuatan fizikal. Prinsip kepimpinan Islam juga digariskan Muhammad Harfin Zuhdi (2014) dengan merujuk tafsiran ayat-ayat al-Quran yang akhirnya membawa kepada prinsip-prinsip kepimpinan yang terdiri daripada amanah, adil, *syura* (*musyawarah*) dan *amr bi al-ma'ruf wa nahy 'an almunkar*.

Ciri-ciri Kepimpinan dalam *Tuhfat al-Nafis* Karya Raja Ali Haji

Ciri-ciri kepimpinan melibatkan cara pemimpin menghegemoni pengikut. Hegemoni sebagai pengaruh atau dominasi sesebuah negara atas negara-negara lain atau pemimpin kepada pengikutnya. Gramsci menyatakan hegemoni, sebagai satu bentuk supermasi satu kelompok atau beberapa kelompok atas yang lainnya, dengan bentuk supermasi lain yang ia namakan “dominasi” iaitu kekuasaan yang ditopang oleh kekuatan fizikal (Sugiono, 1999:31).

Hassan Al-Banna Mohamed (2018) dalam kajian *Islam dan Pembentukan Kepimpinan Berkualiti* mendapati penekanan akhlak dan moral dalam pembentukan model kepimpinan amat penting. Berdasarkan penelitian terhadap *Tuhfat al-Nafis*, terdapat raja yang memenuhi tuntutan akhlak dan moral yang baik seperti Sultan Muhammad Syah, Sultan Sambas, Sultan Abdul Rahman, Raja Jaafar dan Yang Dipertua Muda Raja Ali. Hal ini dapat dilihat dalam peristiwa yang menunjukkan pemimpin-pemimpin ini dikatakan sebagai seorang yang adil, baik perilaku, suka beribadah dan membetulkan sikap masyarakat ketika pemerintahannya.

Pemerintahan Raja Muhammad Syah dikatakan sebagai raja Melayu pertama yang memeluk agama Islam. Sultan Muhammad Syah mempengaruhi rakyat dengan mengangkat adat istiadat seperti kekuningan tertentu kepada Raja dan larangan membuat rumah berperanginan dan tiang alas beralas yang tiada terletak ke tanah. Pemerintahan Sultan Muhammad Syah di negeri Melaka sangat aman. Akhlak yang ditunjukkan adalah sebagai seorang pemerintah yang adil dan saksama. Contohnya:

“Syahadan apabila mangkatlah Raja ((Besar Muda itu maka menggantikan puteranya yang bernama Raja Tengah. Syahadan apabila mangkatlah Raja)) Raja Tengah itu maka menggantikan(lah) kerajaan puteranyanya yang bernama Raja Kecil Besar. Syahadan kata sahib al-hikayat (ini, maka) inilah raja yang adil lagi saksama pada zaman itu, dan dialah raja Melayu yang mula-mula masuk igama Islam”.

(*Tuhfat al-Nafis*:7)

“Syahadan pada kerajaan baginda Sultan Muhammad Syah inilah yang (ter)sangat adil serta ramailah negeri Melaka itu serta amannya.

(*Tuhfat al-Nafis*:8)

Selain itu, kepimpinan yang menunjukkan akhlak dan moral yang baik juga dapat dilihat pada Sultan Sambas. Raja Ali Haji menggarap watak Sultan Sambas secara ringkas pada bab pertama. Sultan Sambas dikatakan sebagai seorang pemerintah adil dan masyhur. Selain itu, ciri kepimpinan ini turut dimiliki Sultan Muzaffar Syah. Baginda mempunyai susur galur kerabat Sultan Muhammad Syah juga merupakan seorang pemerintah yang adil. Ciri-ciri kepimpinan yang berakhlak dan moral yang baik ini dipaparkan seperti;

“Fasal pada menyatakan salasilah Opu Dahing Kemasi yang bergelar di dalam negeri Sambas/bernama/ Pangeran Mangkubumi. Bermula adalah Opu Dahing Kemasi itu beristerikan adik Sultan Sambas yang bergelar Sultan Adil konon.

(*Tuhfat al-Nafis*:8)

“Adalah lamanya Sultan Abu Syahid menjadi raja itu setahun lima bulan maka berpindah ((lah)) kerajaannya kepada saudaranya Raja Kasim, maka

bergelar Sultan Muzaffar Syah. Syahadan Sultan Muzaffar Syah inilah memulai undang-undang Melayu memerintahkan kerajaan dengan adil.

(Tuhfat al-Nafis:8)

Ciri kepimpinan yang menunjukkan akhlak dan moral yang baik turut dikesan melalui Sultan Abdul Rahman. Raja Ali Haji mengangkat perwatakan Sultan Abdul Rahman sebagai seorang yang kuat beribadat dan mengasihi adik beradik yang lain. Sultan Abdul Rahman merupakan seorang yang lembut hati dan banyak menangis kerana khusyuk hatinya kepada Allah. Setiap malam Jumaat dikatakan Sultan Abdul Rahman tidak tidur tetapi asyik berbuat ibadat. Manakala pada siang hari menunaikan sembahyang Jumaat dan membaca al-Quran. Contohnya:

“Sebermula adalah Baginda (Sultan Abdul Rahman) /Syah/ itu ialah raja yang kuat berbuat ibadat. Maka apabila malam Jumaat tiadalah ia beradu, asyik dengan berbuat ibadat sahaja. Dan apabila siang harinya pergilah ia sembahyang Jumaat dengan memakai cara Arab (berserban dan berjubah). Maka apabila selesai daripada sembahyang Jumaat, maka singgahlah baginda itu (ke) pada makam paduka ayahandanya (al)-Marhum (Sultan Mahmud) membaca Quran...”

(Tuhfat al-Nafis:330)

“Dan lagi baginda itu kebanyakan menangis, sebab khusyuk hatinya kepada Allah Ta’ala, kebanyakan tangis itu pada ketika khatib membaca khutbah, demikianlah adanya.”

(Tuhfat al-Nafis:331)

Sebagai tambahan, ciri kepimpinan berakhlak yang baik ini turut dikesan apabila Sultan Abd al-Rahman suka mendampingi orang alim. Hal ini bertepatan dengan pendapat Tuti Munfaridah (2012) dalam membahaskan kriteria pemimpin ideal menjelaskan setiap pemimpin perlu memelihara diri daripada empat keinginan atau nafsu untuk berkuasa. Tuti dalam memetik Imam al-Ghazali menyetengahkan kriteria-kriteria pemimpin yang perlu menerima pesanan ulama. Seseorang pemimpin dijelaskan mesti bergaul dengan ulama dan menerima nasihat mereka. Contoh petikan:

“Syahadan lagi adalah Baginda Sultan Abd Al-Rahman itu suka akan tuan-tuan sayid dan tuan syeikh suka bercampur makan minum dengan mereka itu, dan suka) berimamkan orang yang alim dan suka ia bang terkenallah dari jauh akan suara baginda itu. Dan (lagi baginda itu) suka ziarah ke (pada) rumah (-rumah) sanak saudaranya (dan kepada segala rumah-rumah orang tua-tuanya dan orang besar-besarnya, terkadang ia minta hendak santap kepada mereka segala mereka itu.”

(Tuhfat al-Nafis:330)

Ciri kepimpinan ini juga dapat dilihat pada Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar. Yang Dipertuan Muda menunjukkan yang baik perangai dan mengasihi sanak-saudara, sahabat, tuan sayid dan orang tua-tua. Hal ini diceritakan bahawa Yang Dipertuan Muda tidak sombong dan gemar menuntut ilmu. Tuti Munfaridah (2012) dalam membahaskan kepimpinan Islam memetik Imam al-Ghazali tentang kriteria-kriteria pemimpin seperti rendah hati dan penyantun iaitu pemimpin tidak boleh bersikap takabur atau sombong. Seterusnya,

tidak mementingkan diri sendiri kerana pemimpin akan menjadi rujukan dalam segala hal. Justeru, pemimpin perlu beranggapan bahawa dia juga seperti rakyat biasa. Pemimpin juga perlu mempunyai kesabaran yang tinggi. Pemimpin tidak boleh mencemuh rakyat yang datang memohon pertolongan. Kehidupan pemimpin perlulah bersederhana dengan mengendalikan dorongan nafsu seperti mengenakan pakaian mewah dan makanan yang lazat. Sikap *qanaah* (menerima apa adanya) dalam segala hal. Peristiwa ini dirakam melalui watak Yang Dipertuan Muda Jaafar seperti berikut;

“(Syahadan) kata sahib al-hikayat adalah Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar itu satu raja yang baik perangainya (jua) dan suka mengasihi sanak (-sanak) saudaranya dan sahabat handainya, apalagi tuan sayid dari Arab dan tuan sayid peranakan (dan suka mengasihi orang tua-tua) serta hormat kepada yang tua-tua dengan pergi ziarah ke rumahnya. Dan tiada (takbur) membesarkan dirinya terkadang (hingga) makan ia nasi sisa sahayanya... Dan suka ia akan akan orang (yang) baik-baik /baca dan/ bacaan pada mengaji Qur’an jikalau datang qari yang pandai mengaji al-Qu’ran (ke/dalam/negeri Riau), maka dipegang(kan)nyalah dua tiga bulan.”

(*Tuhfat al-Nafis*:331)

Pemerintahan Yang Dipertuan Muda Raja Ali turut dinaratifkan sebagai pemerintah yang mempunyai akhlak dan moral yang baik. Yang Dipertuan Muda Raja Ali menekankan ilmu agama dalam kalangan pegawai negeri. Ilmu itu terdiri daripada ilmu agama dan tajwid. Watak ini dibumbui dengan sikap yang cinta akan ilmu dan mendampingi ulama-ulama. Menariknya, Yang Dipertuan Muda Raja Ali menegakkan syariat Islam dengan melarang aktiviti berjudi, menyabung dan memberi hukuman kepada keras kepada perompak. Yamtuan Muda turut bencikan orang-orang bermain-main yang membawa kepada cabul antara lelaki dan perempuan dan bernyanyi-nyanyi dengan pantun dan sindir-menyindir kepada pekerjaan zina.

“Dan pada masa Yang Dipertuan Muda Raja Ali inilah banyak ulama yang datang dengan kemuafakatan saudaranya Raja Ali Haji maka dikurniakan masarif disuruhnya segala pegawai negeri menuntut ilmu perkara ugama dan mengaji kitab-kitab dan belajar membaiki bacaan Qur’an al-‘azim. Dan ia sendiri pun suka/jua/ talab al-ilm”

(*Tuhfat al-Nafis*:432)

“Syahadan lagi Yang Dipertuan Muda Raja Ali) inilah membuang dan melarang(kan) segala orang yang jahat (-jahat) seperti berjudi dan menyabung I (tiadalah boleh lagi, dan segala orang-orang Islam berjudi dan menyabung, jika diketahuinya dihukumnyalah dengan yang sepatutnya, sehingga ia bekerjakan puteranya nikah kahwin pun tiada diberinya orang-orang berjudi dan menyabung...”

(*Tuhfat al-Nafis*:433)

“Dan jika ada orang jahat perompak-perompak dihukum(kan)nya terkadang (dengan) dibuangnya [diserahkannya kepada residen Riau] terkadang dibunuhnya (dikerat kepala, dan berapa kali yang demikian itu supaya yang lain mengambil insaf dan gerun)”

(*Tuhfat al-Nafis*:433)

“[Dan demikian lagi Yang Dipertuan Muda Raja Ali inilah bencikan orang-orang bermain-main yang membawa kepada cabul laki-laki dengan

perempuan serta orang bernyanyi-nyanyi beranyut dengan pantun sendiri-menyindir pada pekerjaan zinah.”

(*Tuhfat al-Nafis*:433)

Selain itu, ciri kepemimpinan mengutamakan perbincangan (*musyawarah*) dalam membuat keputusan. Ciri-ciri kepemimpinan ini dikesan amat dominan dalam *Tuhfat al-Nafis*. Setiap keputusan yang diputuskan melalui perbincangan secara *syura*. Muhammad Harfin Zuhdi (2014) dalam melihat kepemimpinan Islam menemukan dapatan tafsiran ayat-ayat al-Quran akhirnya membawa kepada prinsip-prinsip kepemimpinan yang terdiri daripada amanah, adil, *syura* (*musyawarah*) dan *amr bi al-ma'ruf wa nahy 'an almunkar*. Dalam konteks ini, pemimpin-pemimpin dalam *Tuhfat al-Nafis* meninggalkan budaya yang baik dalam mencapai sesuatu kata putus. *Musyawarah* dijalankan untuk mendapat persetujuan sesuatu tindakan yang ingin diambil

“[Maka Datuk Bendahara pun bermusyawarahlah] dengan saudaranya Temenggung, Indera Bongsu, I pada maksud ((Megat Seri Rama itu. Bersatulah sekalian mereka itu pada membenarkan Megat Seri Rama itu kerana segala orang besar-besar di dalam negeri itu pun banyak juga yang suka akan bendahara itu menjadi raja)).”

(*Tuhfat al-Nafis*:47)

Berdasarkan contoh di atas, Datuk Bendahara bermusyawarah dengan saudaranya Temenggung dan Indera Bongsu akan tindakan Megat Seri Rama ingin membalas dendam terhadap Sultan Mahmud. Tindakan Megat Seri Rama ini merupakan tindakan berbahaya.

Ciri kepemimpinan ini juga dinukilkan melalui peristiwa Yang Dipertuan Muda ingin mengadap Sultan Sulaiman dan hasrat Raja Kecil ingin mengadap ayahanda baginda untuk mengambil Yang Dipertuan Muda. Menariknya, peristiwa Datuk Bendahara yang ditertawakan kapitan kapal yang menuntut bendahara temenggung membayar hutang, Datuk Bendahara dikesan berasa kecewa kerana tidak dapat bermusyawarah untuk menyelesaikan masalah tuntutan hutang tersebut. Akhirnya, setelah mendapat kata muafakat Yang Dipertuan Muda menyelesaikan bayaran hutang tersebut. Ciri kepemimpinan yang mengutamakan musyawarah ini dikarang seperti berikut;

“Syahadan (apabila selesailah daripada musyawarahnya itu), maka Yang Dipertuan Muda pun (berangkat) mengadap (Baginda) Sultan Sulaiman.”

(*Tuhfat al-Nafis*:143)

“Syahadan (adapun Raja di Baruh, apabila Raja Kecil itu sudah belayar, maka ia pun mengadap ayahanda bagindanya bermusyawarah, hendak mengambil Yang Dipertuan Muda itu.”

(*Tuhfat al-Nafis*:154)

“Syahadan (kata sahib al-hikayat), apabila Datuk Bendahara mendengar kata kapitan kapal (demikian) itu, (maka) kesesakan-lah ia sebab tiada dapat tempat hendak musyawarah lagi, dan Raja Kecil Terengganu pun sudah balik....”

(*Tuhfat al-Nafis*:169)

Berdasarkan ciri kepemimpinan ini juga digunakan untuk mencari pengganti marhum Sultan Ahmad. Walaupun musyawarah ini akhirnya mencetuskan konflik dalam mencari pengganti Marhum Sultan Ahmad, namun konflik lebih besar boleh berlaku sekiranya dari awal tidak dibawa ke meja perundingan. Peristiwa ini diceritakan seperti berikut;

“Maka apabila sudah selesai dan mustaiblah) daripada dikuburkan Sultan Ahmad itu, maka musyawarahlah Yang Dipertuan Muda serta Datuk Bendahara, (dan Datuk Temenggung), serta suku (-suku) sebelah Melayu, dan suku (-suku sebelah) Bugis, akan ganti Marhum Sultan Ahmad itu.”

(*Tuhfat al-Nafis*:171)

Selain itu, ciri kepemimpinan *al-quwwah* iaitu pemimpin yang kuat. Ciri-ciri kepemimpinan ini mudah dikesan dalam *Tuhfat al-Nafis*. Pemimpin yang kuat perlu seiring dalam kekuatan fizikal dan mental. Pemimpin-pemimpin yang dikesan dalam *Tuhfat al-Nafis* memenuhi kriteria ini. Mereka sememangnya mempunyai kekuatan fizikal dan mental dalam berdepan dengan musuh atau ketika berdepan dalam peperangan. Peristiwa-peristiwa ini disurat oleh Raja Ali Haji seperti berikut;

“Syahadan tiada berapa lamanya ia belayar itu sampailah ia ke Riau, maka lalu masuk berhenti di Pulau Pengujan mengikat perang di situ, serta mengatur kelengkapan peperangannya. Maka apabila sudah musta'ib maka lalulah ia menyuruh memberitahu ke hulu Riau kepada Raja Kecil, menyuruh keluar berperang jika sungguh laki-laki, jangan berperang di dalam negeri, rosak isi negeri.”

(*Tuhfat al-Nafis*:68)

“Maka Sultan pun menekan kakinya ((sebelah)) maka pelantaran jambatan pun hendak runtuh, berderek-derek daripada gagahnya Sultan Mahmud itu.”

(*Tuhfat al-Nafis*:133)

Ciri pemimpin yang kuat ini juga dipamerkan melalui pemimpin-pemimpin Bugis. Kelompok Bugis ini amat digeruni sehingga ada yang lari apabila diserang oleh mereka. Sebenarnya, ini merupakan satu bentuk hegemoni Bugis yang dinaratifkan sebagai kelompok yang gagah dan digeruni. Terdapat peristiwa ketika perang apabila mereka menawan musuh sehingga ke Pangeran Dipati. Sebagai contoh;

“Maka didatangi (pula) oleh Bugis-Bugis kubu Raden Jaga, maka melawanlah (ia) sebentar (juga) serta mati orang ((nya)) dua tiga orang. Maka ia pun lari pula.”

(*Tuhfat al-Nafis*:105)

“Maka diikuti oleh Bugis-Bugis serta (segala) orang/ke/ Sebukit serta raja-rajanya. (Maka berperanglah sepanjang jalan itu sambil diperhambatnya) hingga sampai ke perdalaman Pangeran Dipati itu.”

(*Tuhfat al-Nafis*:105)

Kesan Kepimpinan dalam *Tuhfat al-Nafis* karya Raja Ali Haji

Pemerintah yang mengamalkan ciri-ciri kepemimpinan yang positif pasti membawa seluruh pengikutnya berada di landasan yang betul. Sosio-budaya masyarakat akan mengalami pembaharuan dan perubahan. Berdasarkan ciri-ciri kepemimpinan yang diamalkan, rakyat dilihat berada dalam keadaan aman makmur. Peristiwa ini dirakam seperti berikut;

“Syahadan kata Sahib al-hikayat adalah pada masa Yang Dipertuan Muda Raja Haji (menjadi Yang Dipertuan Muda) itu, mangkin ramai dan (bertambah ramainya negeri) Riau, serta (dengan) makmurnya serta (dengan) orang-orang (yang di dalam) Riau (itu banyaklah yang) kaya-kaya, (seperti Sayid Husain Aidid adalah ia diam di Sungai Timun cukup dengan gedungnya serta dengan perahu-perahu tiang sambungnya pulang pergi ke Jawa berniaga...

(*Tuhfat al-Nafis*:234)

“(Syahadan)) demikianlah di dalam beberapa tahun bersuka-sukaan ((kerana)) negeri aman lagi makmur, makan-makanan pun murah dan segala orang-orang berniaga pun banyak untung (seperti gambir dibeli dua jekketun di dalam Riau dijual ((ditanah Jawa berganda-ganda untungnya sampai dijual)).”

(*Tuhfat al-Nafis*:235)

“Maka amanlah negeri Lingga (itu serta mendapat makanan daripada tanah Singkeb. Dan) ada(lah) yang membaikkkan (negeri daripada) kota parit(nya) dan perdalaman Baginda (Sultan Abd al-Rahman)...”

(*Tuhfat al-Nafis*:329)

“Syahadan pada kerajaan baginda Sultan Muhammad Syah inilah yang (ter)sangat adil serta ramailah negeri Melaka itu serta amannya.

(*Tuhfat al-Nafis*:8)

Selain itu, kesan ciri-ciri kepimpinan Islam yang diguna pakai pemerintah telah membantu dalam pengurusan pentadbirannya. Hal ini ditemukan apabila Raja Ali yang merupakan pemerintah yang baik perilaku berjaya menyusun atur bidang tugas jabatan dibawahnya. Baginda dapat menyusun pentadbiran dengan lebih berkesan dan adil mengikut kemampuan orang yang dipilih.

“Demikian lagi aturan memegang jabatan pekerjaan kerajaan daripada (segala) sanak saudaranya maka dimusyawarakannya ramai-ramai. Kemudian baharu(lah) diberinya pekerjaan mana-mana yang layak pada tanggungannya (yang tiada sumbang dan cacat pada ujtihad orang tua-tua dan sumbang kepada mata orang yang berakal yang mempunyai mata hati).

(*Tuhfat al-Nafis*:422)

Peristiwa seterusnya memperlihatkan kesan kepimpinan yang sama apabila Yang Dipertuan Muda mengatur strategi peperangan. Komunikasi dan arahan dapat disampaikan dengan baik. Semua orang bawahan patuh kepada arahan yang diberikan. Raja Ali Haji menukulkan seperti berikut;

“Maka bersiaplah Yang Dipertuan (Muda) berbuat kubu dan mengatur meriam pada bukit-bukit serta menyaiapkan penjajab serta mengumpulkan rakyat (-rakyat) dan menyediakan (makanan dan) ubat peluru dan mengaruklah segala anak raja-raja dan orang besar-besar dan orang baik-baik masing-masing-(lah) dengan cakupnya apalagi segala Bugis-Bugis.

(*Tuhfat al-Nafis*:335)

Penutup

Perbincangan berkenaan ciri-ciri dan kesan kepimpinan dalam *Tuhfat al-Nafis* memperlihatkan bahawa ciri-ciri kepimpinan yang baik mempunyai hubungan kesan keadaan negara dan pentadbirannya. Daripada analisis kajian, didapati *Tuhfat al-Nafis* memperlihatkan ciri-ciri kepimpinan Islam yang mempunyai akhlak dan moral yang baik dalam kalangan beberapa orang pemerintah. Terdapat cerita-cerita pemimpin yang adil dan mempunyai perilaku yang baik, mempunyai kekuatan fizikal dan mental dan mengamalkan *musyawarah*. Ciri-ciri kepimpinan yang dikemukakan melalui prinsip-prinsip kepimpinan Islam ini dapat disesuaikan dengan teks yang dikaji dan memperlihatkan kesan daripada kepimpinan yang baik. Tamsilnya, keadaan negara dibawah pemimpin yang menurut acuan kepimpinan Islam dijelaskan sebagai aman dan makmur. Susun atur pentadbiran juga menjadi mudah kerana pemimpin dapat mengelompokkan bidang tugas dan keupayaan orang suruhannya dengan lebih tepat. Analisis ciri-ciri kepimpinan berdasarkan prinsip kepimpinan Islam iaitu adil, akhlak dan moral yang baik, *al-quwwah*, *musyawarah* membuktikan bahawa ciri-ciri kepimpinan ini memberi kesan positif yang dominan berbanding pemimpin lain yang sentiasa berada dalam kacau bilau pemerintahan mereka dalam *Tuhfat al-Nafis*. Hal ini demikian kerana, prinsip-prinsip kepimpinan Islam merupakan prinsip yang terbaik dalam menjalankan sesuatu hegemoni kepada pengikut dan negara oleh seseorang pemimpin.

Rujukan

- Amir Rullah Mohd Noor & Salmah Jan Noor Muhammad. (2016). Kemelut Politik Zaman Kesultanan Melayu dalam *Tuhfat al-Nafis*. *International Journal of the Malay World and Civilization*. 4 (1): 52-53.
- Harfin Zuhdi. (2014). Konsep Kepemimpinan dalam Perspektif Islam. *Akademika*. (19). 1-55.
- Hassan Al-Banna Mohamed. (2015). Islam dan pembentukan kepimpinan. *International Journal of Defence Management*. Vol.1. 11-29.
- Idris Zakaria. (1995). Perbezaan Negara Baik dan Tidak Baik Menurut al-Farabi. *Islamiyyat*. (16). 33-47.
- Kamus Dewan Edisi Kedua. (2004). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Nadzri & Ghazali Mayudin. (2008). Hegemoni dan Kontra Hegemoni: Memahami Perubahan Pilihan Raya Umum ke-12. *Jebat* 35. 33-48.
- Muhammad Khairi Mahyudin. (2016). Kepimpinan berdasarkan Kecerdasan Hati dalam Islam. *Kertas Kerja di Majlis Wisuda Sarjana Angkatan VIII*.
- Muhadi Sugiono. (1999). *Kritik Antonio Gramsci terhadap Pembangunan Dunia Ketiga*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Nurshaira et.al. (2016). Gaya Kepimpinan Islam Satu Proses Transformasi dalam Organisasi. *Jurnal Reflektis*. (12): 45.
- Norain Ismail. (2012). *Peperangan dalam Historiografi Johor: Kajian Terhadap Tuhfat al-Nafis*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nur Sofea Nabila et.al. (2018). Al-quwwah: The Core of Leadership in Islam. *International Journal of Engineering & Technology*. 7(3.25). 399-402.
- Norazimah Zakaria. (2019). "The Beauty And Benefits Of Proverbs As A Symbol Of The Mind" in *Journal Of Advance Research in Dynamical & Control Systems*, Vol. 11, Special Issue-07
- Norazimah Zakaria. (2012). "Kepengarangan Hikayat Melayu dan Tuhfat Al-Nafis" dlm *Jurnal Pendeta*. Tanjung Malim Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris. Jilid 3. Hlm: 116-138
- Norazimah Zakaria, Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Nur Farahkhanna Mohd Rosli, Azhar Wahid and Ani Omar. (2020). "Malay Authors Strategies in Displaying the Intelligence

- of the Figures and Its Effects in Traditional Malay Literary Texts” in *International Journal of Innovation, Creativity and Change*. Volume 11, Issue 5. P. 655-672
- Nor Anisah Abu Hanafiah et.al (2017). Teori Kepimpinan dari Perspektif Islam dan Barat dalam Terma Kepimpinan Transformasi. *Jurnal al-Hikmah*. 9(2). 141 153.
- Salmah Jan Noor Muhammad (2017). Kepemimpinan Pemerintah Kesultanan Melayu dalam Menjalinkan Hubungan Diplomatik. *Jurnal Melayu*. 16 (1). 2- 15.
- Tuti Munfaridah. (2012). Kepemimpinan dalam Islam. *Wahana Akademia*. 14 (1). 1-30.
- Virginia Matheson Hooker (1998). *Tuhfat al-Nafis karangan Raja Ali Haji*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.